



# SIARAN MEDIA

## **GDCKL2020 Tampilkan 19 Pakar Industri Dron Tempatan dan Antarabangsa**

**Kuala Lumpur, 3 Mac 2020** –*Global Drone Conference & Hackathon 2020 (GDCKL2020)* yang telah berlangsung selama dua hari pada 2 dan 3 Mac 2020 bertempat di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) telah menampilkan 38 pakar industri dron tempatan dan antarabangsa bagi membincangkan dan meninjau strategi penggunaan dron komersial secara efisien di Malaysia dan Asia. Program anjuran SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Best Events Productions Sdn. Bhd. ini mencatat lebih 500 orang pengunjung, peserta dan pempamer serta penyertaan daripada negara-negara luar seperti Perancis, Australia, Singapura, India, Nepal, Jepun dan Indonesia.

Selain daripada persidangan dan pameran, *GDCKL2020* yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi, SME Corp. Malaysia semalam turut menyaksikan penyertaan sepuluh (10) usahawan dron dalam sesi '*Pitch Your Drone Service*'. Usahawan-usahawan ini telah membuat pembentangan mengenai solusi kreatif dan inovatif dalam aplikasi dron komersial seperti pemeriksaan udara, pemantauan, pengukuran dan pemetaan bagi mendapatkan peluang perniagaan dan potensi kerjasama dengan syarikat besar dan pengusaha dron lain.

Turut dianjurkan semasa *GDCKL2020* ini ialah '*Drone Hackathon Challenge*' di mana sejumlah 31 peserta telah mengambil bahagian dalam cabaran bidang kecerdasan buatan data & dron, *last data mile* dan etika data & dron. Tiga pasukan yang dinobatkan sebagai pemenang yang menerima hadiah wang tunai keseluruhan bernilai RM6,000 dan akan dibimbing selama empat (4) bulan bagi mengembangkan idea-idea mereka menjadi prototaip produk atau solusi yang sedia dikomersilkan.

Bagi membantu dan menggalakkan pertumbuhan PKS dalam bidang ini, SME Corp Malaysia sedang merangka program khusus bagi sektor dron & mobiliti meliputi bantuan kewangan, pembangunan kapasiti dan peningkatan akses kepada pasaran.

Majlis penutup *GDCKL2020* dan penyampaian hadiah kepada pemenang Drone Hackathon Challenge telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Zaky Moh, Ketua Pegawai Pembangunan Kluster, SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Nor Azian Md Yusof di talian 03-2775 6174 atau Puan Noor Mastura Ramli di talian 03-2775 6006 atau emel – [azian@smecorp.gov.my](mailto:azian@smecorp.gov.my) / [noormastura@smecorp.gov.my](mailto:noormastura@smecorp.gov.my)

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia  
Level 6, SME 1, Block B  
Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pemenang aktiviti 'Drone Hackathon Challenge'**

**Tempat Pertama**

Survival Bot, SMK Tropicana (Robotics Team)  
RM3,000

**Tempat Kedua**

First Aid, SMK Tropicana (Robotics Team)  
RM2,000

**Tempat Ketiga (2 pemenang)**

- I. 4Gotten, SMK Tropicana (Robotics Team)  
RM500
- II. Muhammad Azim, Heriot-Watt University Malaysia  
RM500